



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 8 BILANGAN 13

RABU 3 JULAI 1963

رابعو 12 صفر 1383

PERCHUMA

PERUNDINGAN MALAYSIA: D.Y.M.M. DAN WAKIL2 BRUNEI KA-LONDON

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah mengetuai sa-rombongan lima belas orang perwakil Kerajaan Brunei ka-London kelemarin untok mengadakan perundingan dengan Kerajaan Baginda Queen berhubung dengan perkara kemasokan Brunei ka-dalam Persekutuan Malaysia.

Di-antara ahli2 rombongan tersebut ia-lah Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un; Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Peguam Negara Brunei, Inche Idris Talog Davies.

Duli Yang Maha Mulia dan rombongan telah berangkat ka-London sa-telah menerima jemputan daripada Perdana Menteri Kerajaan Inggeris, Inche Harold MacMillan dan Setia Usaha Perhubungan2 Komonwealth, Inche Duncan Sandys.

Uda masa berada di-London, Duli Yang Maha Mulia dan rombongan akan menemui Pegawai2 Kerajaan Inggeris dan akan mengadakan perundingan2 dengan mereka berhubung dengan kemasokan Brunei ka-dalam Persekutuan

Malaysia yang di-chadangkan itu.

Sementara itu, menurut berita2 dari London, perwakilan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan perwakilan Kerajaan Singa-

dalam Persekutuan Malaysia.

Kemudian pada 15 Jun pula, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu atas jemputan Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, untok menyertai rombongan perwakilan negeri ini mengenai perundingan muktamad ranchangan tersebut.

Dalam perundingan itu, perwa-

menjelaskan tentang keputusan Duli Yang Maha Mulia untok berangkat pulang ka-Tanah Ayer sambil menyatakan bahawa Baginda tiada menerima apa2 perutusan dari Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu semenjak pagi hari Thalatha 18 Jun tatkala Baginda telah di-beri tahu oleh Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj bahawa keputusan Kabinet Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengenai sharat2 kemasokan Brunei ka-dalam Malaysia kelak di-beri tahu kepada Baginda pada esok hari-nya.

Hingga ka-hari Khamis 20 Jun, Baginda pun belum menerima sabarang perutusan dari Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu berhubung dengan perkara tersebut.

Memandang kepada keadaan sademikian, Baginda telah berchadang hendak berangkat pulang ka-Brunei dan bersedia menerima perutusan2 dari Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu di-Brunei.

Duli Yang Maha Mulia telah selamat tiba di-Tanah Ayer dengan kapal terbang pada hari Juma'at 21 Jun.

Tiga hari kemudian, rombongan perwakilan Brunei pun balek ka-negeri ini dari Kuala Lumpur.

Sharat2 Kemasokan Brunei Ka-Dalam Malaysia

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan sentiasa dan tetap berasa ingin atas kemasokan Brunei ka-dalam Persekutuan Malaysia yang telah di-chadangkan itu atas sharat2 yang terletak pada dua dasar besar, ia-itu :

Pertama : Persekutuan Malaysia mesti-lah di-bentok sa-chara sukarela di-antara negeri2 di-Persekutuan Tanah Melayu, Negeri Brunei, Sarawak, Sabah dan Singapura.

Kedua : Kepentingan2 khas bagi negara dan ra'ayat Brunei mesti-lah di-akui dan di-perlindongi mengikut jaminan2 yang di-beri kepada Duli Yang Maha Mulia oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu beberapa bulan yang lalu.



Satu pemandangan di-Lapangan Terbang Brunei di-Berakas pada 15 Jun, 1963 sa-belum Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu untok menyertai rombongan perwakilan dari Brunei mengenai perundingan kemasokan Brunei ka-dalam Persekutuan Malaysia. Dalam gambar ini kelihatan Mufti Negeri Brunei Sahibul Fadhilah Tuan Al-Haji Ismail Omar Abdul Aziz sedang membachakan do'a selamat.

pura maseh meneruskan lagi perundingan2 mereka dalam usaha yang terakhir untok mengatasi kebuntuan perkara kemasokan Singapura ka-dalam Persekutuan Malaysia mengenai hal ehwal kewangan.

Pada 8 Jun yang lalu, satu perwakilan Kerajaan Brunei, dengan di-ketuai oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un telah berangkat ka-Kuala Lumpur untok mengadakan perundingan dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengenai kemasokan Negeri Brunei ka-

kilang2 dari Kerajaan2 Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu telah tidak dapat mencapai persetujuan yang muktamad mengenai kemasokan Brunei ka-dalam Persekutuan Malaysia, meskipun Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei sendiri telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu untok menyertai rombongan itu.

Pada 21 Jun, Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un telah menghantarkan sa-puchok kawat dari Kuala Lumpur kepada Setia Usaha Kerajaan Brunei

TIMBALAN KAPADA D.Y.M.M.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Peinanha Sahibul Rae' Walmashuarat Dato Paduka Muda Haji Mohamed Alam ibni Almerhom Duli Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman, D.K., D.S.N.B., D.P.M.B., P.O.A.S., O.B.E., telah di-lantek menjadi Timbalan kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada masa Baginda berada di-luar negeri.

PEMBUKAAN KURSUS PENGHULU2 DAN KETUA2 KAMPONG

BUNUT.—Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah menitahkan kepada semua Penghulu dan Ketua Kampong supaya mereka bekerja sama dengan orang2 di-kampong2 mereka dan berusaha menuju ka-arrah keamanan, perpaduan dan kema'amoran dalam Negeri Brunei.

Titah ucapan Baginda yang terma'lom, telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Pentadbiran Negeri Brunei di-majlis Pembukaan rasmi Kursus Tata Tertib Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Brunei/Muara, pada pagi hari Sabtu 22 Jun yang lalu.

Bekas Orang2 Tahanan Di-Seru Menjadi Ra'ayat Yang Berguna

BUNUT. — Yang Mulia Pengiran Ahmad ibni Almerhom Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Mohamed Yassin Pegawai Pentadbiran Negeri Brunei telah mendesak orang2 tahanan yang telah di-pindahkan dari Perkhemahan Tahanan Berakas kepada Pusat Pemulehan Sa-mula Orang2 Tahanan di-Bunut pada 20 Jun yang lalu supaya mereka "menumpukan ta'at setia mereka kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan dan Kerajaan Baginda".

Beliau telah memberi ucapan itu sa-telah di-adakan upacara mengangkat sumpah oleh 49 orang tahanan pada petang hari tersebut, ia-itu sa-hari sa-belum mereka di-bebaskan.

Dalam ucapan-nya Pengiran Ahmad berharap agar-nya mereka itu akan menjadi ra'ayat yang berguna pada masa hadapan kelak.

Upacara mengangkat sumpah tersebut telah di-jalankan dibawah pimpinan Tuan Haji Abdul Rahman bin Mohamed dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Inche Harvis Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Ketua Jabatan Perangka Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Inche C.H. Harvis berkata bahawa dalam memikirkan kemasokan Brunei ka-dalam Malaysia, beliau telah datang ka-Brunei untuk mendapat chara perangkaan yang sedang di-gunakan di-negeri ini.

Sa-masa lawatan-nya ka-Brunei, Inche Harvis telah mengadakan perundingan2 dengan Pegawai2 Kanan Kerajaan untuk mendapatkan nasehat mengenai perkara2 yang harus di-lakukan pada masa hadapan untuk memperbesarkan perangkaan.

"Perangkaan yang baik, adalah mustahak untuk ranchangan ekonomi", kata-nya.


Sa-belum tiba di-Brunei, Inche Harvis telah melawat ka-Negeri Sarawak. Beliau telah berangkat ka-Jesselton sa-lepas lawatan-nya ka-Brunei.

Kursus tersebut telah di-adakan di-bangunan bekas Sekolah Melayu Bunut yang sekarang ini di-jadikan sa-bagai Pusat Pemulehan Sa-mula Orang2 Tahanan, sa-lama tiga hari mulai dari hari Sabtu 22 Jun.

Sa-ramai 71 orang Penghulu2 dan Ketua2 Kampong dari Daerah Brunei/Muara telah mengambil bahagian dalam kursus tersebut.

Kursus itu telah di-adakan dibawah anjoran Kerajaan Brunei dan di-uruskan oleh Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Duli Yang Maha Mulia telah di-jadualkan merasmikan pembukaan kursus tersebut.



Satu pemandangan di-antara Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Brunei/Muara yang menghadiri Kursus Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Bunut sa-lama tiga hari mulai 22 Jun, 1963.

UPACHARA MENYAMPAIKAN SIJIL2 TRENGKAS

BANDAR BRUNEI.— Satu upacara menyampaikan Sijil2 Trengkas dan Sijil2 Menaip kepada penuntut2 Melayu serta juga Sijil2 Bahasa Melayu kepada penuntut2 Darjah Dewasa orang2 yang bukan Melayu akan di-adakan di-Gedong Peningan Brunei (Brunei Hotel) pada pukul 4.30 petang hari Khamis 4 Julai, 1963.

Pemangku Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Inche Malcolm MacInnes akan menyampaikan sijil2 tersebut kepada penuntut2 yang berjaya dalam peperiksaan masing2.

Jumlah penuntut2 Melayu yang telah berjaya dalam peperiksaan2 trengkas dan menaip ada-lah saperti di-bawah ini:

Sijil Perguruan Trengkas Peringkat Tertinggi — 8 orang.

Sijil Perguruan Trengkas — 6 orang.

Sijil Trengkas Menengah — 10 orang.

but. Akan tetapi, oleh kerana beberapa sebab yang telah tidak dapat di-elakkan, maka Baginda telah tidak dapat merasmikan pembukaan kursus itu.

Baginda telah meminta kepada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong tersebut supaya menggunakan dengan baik-nya berbagai sharahan yang mereka dapati dalam masa menghadhiri kursus itu serta membahagikan apa yang mereka telah mempelajari kepada orang2 kampong.

Penghulu2 dan Ketua2 Kampong itu telah juga di-beri tahu bahawa sa-kira-nya mereka menghadapi sa-barang kesukaran untuk menerangkan sa-suatu hal kepada orang2 kampong mereka, maka jangan-lah mereka ragu2 untuk berunding dengan Pegawai Daerah masing2 yang setiap masa bersedia untuk memberi bantuan kepada mereka.

Kursus sa-rupa itu juga telah



Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Pentadbiran Negeri Brunei terlihat dalam gambar ini sedang memberi ucapan di-majlis pembukaan rasmi Kursus Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Brunei/Muara pada 22 Jun, 1963.

di-adakan di-Daerah2 Belait, Tutong dan Temburong.

Kursus Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Temburong telah di-adakan pada 11, 12 dan 13 Jun; di-Daerah Tutong pada 15, 16 dan 17 Jun manakala di-Daerah Belait pada 18, 19 dan 20 Jun.

Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Haji Kamaralzaman, Setia Usaha Kerajaan Brunei telah mewakili Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan di-majlis2 pembukaan rasmi Kursus Penghulu2 Daerah2 Temburong, Tutong dan Belait.

Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim Pegawai Pentadbiran Negeri Brunei pula telah mewakili Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-majlis2 pembukaan rasmi Kursus Penghulu2 Daerah Brunei/Muara.

Sa-masa menghadhiri kursus tersebut, Penghulu2 dan Ketua2 Kampong itu telah mendengar berbagai2 sharahan oleh Pegawai2 Kerajaan mengenai ugama, kedudukan pertadbiran dan perhubungan-nya, ranchangan perkembangan negara, perubatan dan kesehatan, tugas Pasokan Pulis, perkembangan pertanian serta lain2 sharahan yang berfaedah kepada masharakat.

Mereka juga telah mengemukakan so'alan2 kepada pegawai2 yang berkenaan dan so'alan2 itu pun telah di-jawab oleh pegawai2 yang terma'lom.

PASAR GEMBIRA

SERIA.—Persatuan Pengakap2 Daerah Belait akan mengadakan satu temasha Pasar Gembira bertempat di-Kawasan Sokan Seria sa-lama tiga hari mulai dari hari Jumaat 5 Julai, 1963.

Tujuan mengadakan temasha tersebut ia-lah untuk mengutip derma bagi membantu para perwakilan dari Negeri Brunei yang akan menghadhiri Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia di-Negeri Greece pada bulan Ogos hadapan.

Sijil Trengkas Permulaan — 28 orang.

Sijil Menaip Peringkat Permulaan dan Menengah — 14 orang.

Sa-ramai 19 orang lelaki dan 5 orang perempuan penuntut2 yang bukan Melayu akan menerima Sijil Bahasa Melayu di-majlis tersebut.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa beberapa orang akan memberi ucapan di-majlis tersebut.

ILMU TANAMAN2 PERLU DI-PELAJARI OLEH PENDUDUK2 NEGERI BRUNEI

— Kata D.S.P.H.M. Yusuf

KILANAS.—Ilmu tanaman2 ada-lah perlu di-ketahui dan di-pelajari oleh penduduk2 negeri ini kalau ra'ayat di-negeri ini ingin melihat Negeri Brunei hidup makmor. Demikian kata Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei di-upachara menyampaikan sijil kepada 10 orang penuntut2 yang telah lulus dalam lathetan pertanian.

Upachara itu telah di-langsungkan di-Pusat Panchubaan Tanaman2 di-Kilanas pada pagi hari Khamis 27 Jun, 1963.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf telah menyampaikan sijil2 kepada penuntut2 tersebut.

Turut hadir di-majlis menyampaikan sijil2 itu ia-lah Pegawai Pertanian Negara Brunei, Inche Hamidoon bin Awang Damit dan Inche Abidin bin Abdul Rashid, Pegawai Pentad-ran Negeri Brunei.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf berkata beliau perchaya bahawa saloran untuk mencapai kemakmoran di-negeri ini hanya akan terlaksana jika petani2, nelayan2 dan sa-umpama-nya tahu akan peranan mereka terhadap perkembangan negeri ini.

Beliau telah meminta kepada penuntut2 itu supaya menyedari peranan pertanian dalam sa-sa-buah negeri dan mengamalkan serta menyebarkan pengetahuan mereka di-daerah masing2.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf menegaskan lagi bahawa "tidak guna ilmu di-tuntut jika tidak di-amalkan-nya."

Sa-lain dari itu, beliau telah memberi mithalan mengenai kemajuan2 pertanian di-Negeri2 Amerika dan Jepun yang boleh menchukopi untuk keperluan ra'ayat negeri2 itu.

Pegawai Pertanian Negara Brunei, Inche Hamidoon bin Awang Damit dalam ucapan-nya telah menyeru kepada penuntut2 tersebut supaya mereka memberikan kerjasama kepada Ketua2 Kampong dan Pegawai2 Pertanian apabila mereka pulang

Pegawai Kedutaan Amerika Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI.— Inche Norman C. Barnes, sa-orang Pegawai Perkhidmatan Penerangan Amerika yang bertugas di-Kedutaan Amerika di-Singapura telah melawat ka-Brunei baharu2 ini dalam bidang lawatan-nya ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Sabah.

Ini-lah kali yang pertama Inche Norman melawat ka-Brunei semenjak di-tugaskan bekerja di-Singapura tidak berapa lama dahulu.

Tujuan lawatan-nya ka-Brunei ia-lah untuk membiasakan diri-nya berkenaan dengan negeri ini.

penuntut2 yang telah tamat ilmu pertanian, tetapi membuat pekerjaan2 yang tidak ada sangkut paut-nya dengan hal ehwal tanaman2.

Ini, kata-nya ada-lah suatu kerugian, bukan sahaja kepada penuntut2 itu sendiri, bahkan juga kepada masharakat kampong mereka.


Penuntut2 yang telah menerima sijil tersebut ada-lah mengan-dongi dua orang dari Daerah Tutong, dua orang dari Daerah Temburong, dua orang dari Daerah Belait dan empat orang dari Daerah Brunei/Muara.

Mereka telah berlathet sa-lama tiga bulan di-Pusat Panchubaan Tanaman2 di-Kilanas. Dalam masa tersebut penuntut2 itu telah di-berikan berbagai2 lathetan mengenai ilmu pertanian.

ka-kampong masing2 kelak.

Inche Hamidoon juga telah menggesa mereka supaya memumpukan perhatian dalam lapangan pertanian, terutama sa-kali untuk menunjak ajar kepada penduduk2 kampong mereka mengenai ilmu pertanian yang mereka pelajari itu.

Beliau juga menyatakan kesal-nya tentang ada-nya di-antara



Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim kelihatan dalam gambar ini sedang menyampaikan sijil kepada sa-orang penuntut yang telah tamat menghadiri Kursus Pertanian di-Pusat Panchubaan Tanaman2 di-Kilanas pada 27 Jun, 1963. Duduk di-kiri sa-kali ia-lah Pegawai Pertanian Negara, Brunei, Inche Hamidoon bin Awang Damit dan duduk di-kanan sa-kali ia-lah Inche Abidin bin Abdul Rashid, Pegawai Pentadbiran Negeri Brunei.

BREN GUN DI-JUMPAI SA-MULA DI-ULU BELAIT

KUALA BELAIT.— Satu senjata bren gun yang telah di-churi oleh puak penderhaka2 dalam bulan Desember yang lalu telah di-dapati sa-mula oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail di-Ulu Belait pada 21 Jun yang lalu.

Pengiran Momin telah memberi tahu kepada sa-orang wartawan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei bahawa beliau telah melawat ka-Kampong Labi pada 21 Jun.

Sa-masa berada di-kampong itu, kata-nya, sa-orang perempuan tua telah memberi tahu kepada-nya bahawa "ada satu barang yang luar biasa" terdapat berada dalam belukar lebeh kurang 80 kaki dari tepi jalan di-batu 8, Jalan Bukit Puan ka-Labi.

Beliau telah pergi ka-Jalan Bukit Puan dengan serta merta dan mendapati sa-laras bren gun dengan tiga kelopak peluru yang

kosong.

Sa-lepas itu Pengiran Momin telah membawa balek senjata itu ka-Kuala Belait dan menyerahkan-nya kepada pehak Pulis di-Balai Panaga.

Menurut keterangan Penguasa Pulis Inche Stephen Liew dari Balai Pulis Panaga, bren gun itu ia-lah salah satu dari dua laras bren gun yang telah di-churi dari Daerah Belait pada masa berlaku penderhakaan dalam bulan Desember yang lalu.

Sa-laras lagi bren gun, kata-nya, telah di-dapati sa-mula oleh Pasokan Keselamatan berdekatan dengan Istana Kota Manggalela pada 13 April, 1963.

New Zealand Ingin Bantu Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Kesehatan Gigi di-New Zealand, Doktor G.H. Leslie telah melawat ka-Negeri Brunei pada 19 Jun yang lalu dalam bidang lawatan-nya ka-wilayah2 Borneo.

Dalam satu pertemuan dengan sa-orang wartawan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Doktor Leslie berkata bahawa New Zealand ingin benar hendak memberi bantuan kepada Negeri2 Brunei, Sarawak dan Sabah untuk memperbesar-ranchangan2 memelihara gigi.

Banyak kerja yang baik sudah pun di-buat oleh Jabatan Kesehatan Gigi Kerajaan Brunei, akan tetapi banyak lagi di-kehendakki untuk memperbesar-ranchangan lima tahun untuk memberi asohan yang tertentu kepada kanak2 sekolah, tegas-nya lagi.

Doktor Leslie menambah kata bahawa New Zealand berazam untuk terus menerus menawarkan bantuan dalam perkembangan jururawat2 gigi di-wilayah2 Borneo dan juga untuk memberi lathetan lanjutan kepada kakitangan2 kanan-nya.

84 ORANG TAHANAN LAGI DI-BEBASKAN

BUNUT.— Delapan puluh empat orang2 tahanan dari Perkhemahan Tahanan Berakas telah di-pindahkan ka-Pusat Pemulehan Sa-mula Bunut pada tengah hari 26 Jun yang lalu.

Dengan itu, jumlah orang2 tahanan yang telah di-pindahkan dari Pusat Tahanan Berakas ka-Pusat Pemulehan Sa-mula Bunut ia-lah sa-rata2 536 orang.

Bekas orang2 tahanan itu telah berada di-Pusat Pemulehan Sa-mula Bunut sa-lama enam hari sa-belum mereka di-bebaskan.

Dalam masa tersebut mereka telah menghadiri sharahan2 mengenai berbagai perkara, di-antara-nya ia-lah pengajaran ugama dan marabahaya tentang fahaman komunis.

Sa-orang juruchakap di-pusat tersebut telah menyatakan bahawa 64 orang2 tahanan itu berasal dari Kampong Ayer dan Jalan Muara, manakala baki-nya ia-lah dari kampong2 di-sapanjang Jalan Tutong.

Ini-lah kumpulan yang ka-delapan orang2 tahanan yang telah di-pindahkan dari Perkhemahan Tahanan Berakas ka-Pusat Pemulehan Sa-mula Bunut.

SEJARAH TRENGKAS

MEMANDANG kepada perkembangan Trengkas yang nampaknya sedang mendapat sambutan hangat dari ratusan penuntut2-nya di-negeri ini Kerajaan memberi peluang kepada peminat2, dengan jalan mengadakan beberapa buah kelas Trengkas.

Oleh yang demikian perlu rasanya saya chatit dengan serba ringkas sejarah atau pun asal usul Trengkas dari sejak lahirnya ilmu ini ka-Dunia Persuratan hingga ka-hari ini.

Saya perchaya banyak daripada para pembacha belum dapat memahami sa-penoh-nya akan ma'ana perkataan *Trengkas*, di-sebabkan perkataan ini tidak ada di-chatit dalam mana2 kamus jua pun. Sa-benar-nya perkataan *TRENGKAS* adal-ah merupakan satu perkataan baru yang telah di-chipta oleh penulik *Trengkas Melayu Kaedah Gregg* sendiri, ia-itu Enche' Abd. Rahman bin Haji Hassan.

Beliau telah menyumbangkan tenaga-nya dalam lapangan ini dari sejak tahun 1933, dengan mempelajari berbagai2 system atau kaedah.

Perkataan *TRENGKAS*, berasal dari dua perkataan ia-itu *Tulisan Ringkas*, bersesuaian dengan terjemahan yang di-buat dari bahasa Inggeris-nya "Short-hand". Atas kebijaksanaan penulik-nya, maka perkataan itu telah dapat dipendekkan hingga menjadi *T. Trengkas*.

Sa-telah di-buang atau digugorkan tetek-nya yang terletak di-antara *T* dengan *R* itu, maka jadi-lah ejaan-nya *Trengkas*. Dengan sebab itu-lah perkataan ini di-eja *Trengkas* dan tidak *Terengkas*.

Shorthand atau pun *Trengkas*, dalam istilah bahasa Melayu-nya, adal-ah satu daripada alat persuratan yang telah di-reka untuk menggantikan huruf2 biasa dengan garisan2 yang senang dan mudah di-sambong di-antara satu dengan lain, dengan cekap dan bergaya serta memendek2kan ejaan yang panjang seperti mana kita dapati dalam tulisan rumi mithal-nya perkataan "Dengan" di-eja "Dgn", "dan lain2", di-eja "dll" sahaja.

Dalam soal *Trengkas*, perkataan2 biasa-nya dapat di-chatit dengan chukop pantas dengan menggunakan garisan2 rekaan itu sa-hingga dapat menchatit perchakapan sa-saorang yang sedang memberi sharahan dan lain2 lagi dengan sa-chara "Verbatim Report" atau chatitan sa-chara langsung dari perchakapan sa-saorang.

Kecekapan sa-saorang penulis yang sa-kadar dapat menchatit perchakapan sa-saorang ahli pensharah yang mahir dan cekap, tidak-lah begitu menghairan kita.

Apa yang kita hairankan ialah ada di-antara penulis2 yang mahir dalam soal *Trengkas* ini

Pelajaran Trengkas Melayu di-negeri ini semakin sa-hari kian berkembang dan mendapat sambutan hangat di-kalangan pemuda pemudi. Sebagaimana bilangan murid2 telah bertambah demikian-lah juga guru2 dan sekarang hampir tiap2 daerah ada mempunyai Guru2 Trengkas.

Memandang kepada perkembangan itu sa-orang Guru Trengkas di-Kuala Belait, Inche Abu Naim Mohd. Said berpendapat betapa perlu-nya asal usul Trengkas itu di-ketahui, sejak ia-nya mula lahir ka-dunia persuratan.

Di-bawah ini ikuti-lah serba ringkas asal usul Trengkas Melayu mengambil peranan-nya di-kalangan dunia persuratan:

yang telah dapat memegang rekod2 kepantasan Dunia; boleh menchatit dengan kepantasan yang paling istemewa, sa-hingga tidak ada manusia yang boleh berchakap dengan menyamai kepantasan memegang2 rekod dunia itu menulis.

Nama2 dan rekod2 kepantasan itu akan saya terangkan dengan mengikut susunan sejarah.

Dengan ada-nya kepantasan *Trengkas* yang membolehkan sa-

gunakan bahasa yang tinggi dan bermiliah.

Pada masa itu orang2 Rome masah lagi menggunakan bahasa Latin yang berbelit2 bunyi-nya; tetapi ini tidak-lah menjadi satu soal yang berat kepada *Trengkas Tiro* untuk menchatit-nya.

Berikutan dengan kejayaan yang gemilang itu, maka tuan-nya (Cicero) telah membebaskan dia dan bukan itu sahaja, tetapi juga ia-nya di-beri satu kehorma-

Oleh: Abu Na'im Mohd. Said

saorang penulis menchatit perchakapan sa-saorang dengan mudah itu, maka *Trengkas* telah dapat mengambil peranan-nya yang penting di-majlis2 mashuarat, pembicharaan2 yang dijalankan di-makhamah2 dan persidangan2 yang lain dalam dunia, sa-bagaimana bahasa telah mengambil tempat.

Sa-banyak 541 system atau kaedah *Trengkas* telah pernah di-chipta oleh pakar2 *Trengkas* di-seluruh dunia tetapi hanya beberapa system sahaja yang dapat di-gunakan hingga ka-hari ini.

Trengkas telah lahir ka-dunia persuratan dari sejak 63 B.C. ia-itu 63 tahun sa-belum Nabi Allah Isa di-lahirkan, dan buat pertama kali-nya di-kenali oleh dunia persuratan sa-bagai "Ancient Art" atau Seni Tulisan Lama.

Mengikut sejarah, *Trengkas* yang pertama sa-kali di-chipta ia-lah *TIRO SYSTEM* atau *Trengkas KAEDAH TIRO*, yang telah di-tulis dalam bahasa Latin.

Kaedah *Tiro* ini telah di-chipta oleh sa-orang abdi yang bernama *Tiro*, ia-itu abdi kepada *Marcus Tutillius Cicero* (106-43 B.C.), sa-orang ahli Senate Negeri Rome.

Chiptaan *Tiro* ini tidak-lah mendatangkan sia2 kepada dirinya, malah ada-lah merupakan satu kejayaan yang besar bagi diri-nya.

System *Trengkas* yang di-chipta-nya itu telah di-dapati cekap untuk menchatit sharahan2 yang di-lapaskan oleh Orator *Cato* dan *Cicero*, ia-itu ahli2 Senate Rome yang mashhor pada masa itu, yang biasa-nya meng-

gunakan bahasa yang tinggi dan bermiliah. Pada masa itu orang2 Rome masah lagi menggunakan bahasa Latin yang berbelit2 bunyi-nya; tetapi ini tidak-lah menjadi satu soal yang berat kepada *Trengkas Tiro* untuk menchatit-nya.

Berikutan dengan kejayaan yang gemilang itu, maka tuan-nya (Cicero) telah membebaskan dia dan bukan itu sahaja, tetapi juga ia-nya di-beri satu kehorma-

tan yang membolehkan dia (*Tiro*) memakai nama tuan-nya, yang mana selepas itu *Tiro* telah di-gelar atau di-namakan *Marcus Tutillius Tiro*.

Trengkas Tiro pada masa itu sangat-lah mashhor dan digemari oleh orang2 Rome yang bukan hanya terdiri dari orang2 kebanyakan, malah juga orang2 kenamaan dalam negeri Rome, seperti Emperor Augustus, Titus, Julius Caesar dan lain2 lagi.

Ada sa-tengah2 sejarah mencheritakan bahawa pembicharaan yang di-jalankan di-makhamah2 tinggi dalam negeri Rome masa itu tidak di-akui sah dengan ketiadaan *Juru Trengkas*.

Ini berma'ana bahawa *Juru Trengkas* pada masa itu chukop di-hormati, kerana keputusan2 yang di-chatit-nya itu adal-ah merupakan keputusan muktamad.

Perkara ini menyebabkan beberapa kechurangan telah berlaku oleh sa-bilangan *Juru2 Trengkas*, kerana ada di-antara-nya yang bersifat tidak jujur untuk menjalankan tugas dan mengubah segala keputusan2 yang di-beri oleh hakim untuk di-ringankan, terutama sa-kali bilamana hukuman2 itu di-kenakan kepada sahabat2 atau saudara mara mereka sendiri.

Hal ini telah dapat di-ketahui oleh pehak yang berkuasa dan dengan segera satu Undang2 yang keras untuk menchehag dari berlaku-nya perkara yang seperti ini, di-keluarkan sa-bagai satu daripada Undang2 Negara.

Undang2 itu menegaskan bahawa sa-siapa juga *Juru2 Trengkas* yang di-dapati mengubah akan keputusan2 yang telah di-chatit-nya dari apa yang telah di-berikan oleh hakim dalam sa-sabuah mahkamah, ma-

ka *Juru Trengkas* itu akan di-hukum dengan di-buang negeri dan sa-belum ia-nya di-buang negeri, maka semua urat2 yang ada di-jari-nya akan di-chilot. Ini berma'ana harapan untuk membuat pekerjaan bagi *Juru2 Trengkas* yang melakukan perbuatan yang churang itu, tidak ada lagi.

Sejak Undang2 ini berjalan dengan kuat kuasa-nya, maka hal2 yang tidak di-ingini itu tidak pernah berlaku lagi.

Dalam sa-buah buku sejarah yang di-karang oleh sa-orang ahli *Falasaffah* bangsa Greek ia-itu anak kepada *Falasaffah Plutarch*.

Antara lain ada mencheritakan bahawa pada satu masa yang lampau, *Cicero* pernah menempatkan beberapa orang *Juru Trengkas* dalam Dewan Senate Rome, untuk menchatit cheramah Orator *Cato* (95 — 46 B.C.), sa-orang ahli senate Rome yang terkenal.

Untuk membuktikan bahawa *Trengkas* itu penting dalam majlis2 mashuarat, maka kita dapati dalam tahun Masehi 411, tatekala 'Alim Ulama orang Keristian mengadakan satu persidangan yang besar bertempat di-Gargalian Hot Spring, Nagara Carthage, atas anjuran Saint Augustine, lapan orang *Juru Trengkas* telah di-tugaskan untuk menchatit butir2 dalam persidangan tersebut. Persidangan itu telah di-hadhiri oleh 564 orang 'Alim Ulama.

Di-sini dapat-lah kita menjelaskan bahawa peranan penting *Trengkas* itu, bukan-lah merupakan satu perkara yang baru, tapi sudah pun mengambil masa dalam ribuan tahun, dan yang merupakan baru itu hanya-lah penggunaan-nya dalam bahasa Melayu.

Sungguh pun sejarah telah menegaskan bahawa *Trengkas* kaedah *Tiro* itu di-akui sa-bagai *Trengkas* yang pertama sekali munchol dalam dunia persuratan pada tahun 63 B.C., namun ahli2 sejarah masah ragu2 lagi bilamana kesan2 *Trengkas* yang ditulis dalam bahasa Greek, telah di-jumpai di-Acropolis dalam tahun 1884.

Kesan2 *Trengkas* itu tertulis di-atas sa-buah batu yang bertarikh dalam kurun yang ke-IV, ia-itu sebelum Nabi Allah Isa di-lahirkan. Ghuntoh2 tulisan ini boleh di-dapati di-sekolah gambar British di-Britain.

Di-sini sejarah telah tidak dapat menentukan bangsa manakah yang mula2 menchipta *Trengkas* terlebih dahulu, sama ada bangsa Greek atau bangsa Roman. Ahli2 sejarah juga dapat mengetahui bahawa negeri Masir, pada masa yang lampau ada mempunyai system *Trengkas*nya, apabila mereka mendapati sa-keping surat perjanjian *Trengkas* dalam bahasa Egypt, yang bertarikh pada tahun masehi 155.

(BERSAMBONG)

Sharikat Minyak Shell Hadiah Pembesar Suara Kapada Masjid Kilanas

KILANAS.— "Pulau Pandan jauli ka-tengah. Gunung Daik berchabang tiga. Hanchor badan di-kandung tanah. Budi Sharikat Minyak yang baik dikenang juga". Demikian bunyi satu rangkapan pantun yang telah di-lafadzkan oleh Yang Mulia Dato Derma Wijaya Haji Tamit, Imam dan Ketua Kampong Kila-

nas, dalam ucapan beliau di-majlis menyampaikan hadiah alat2 pembesar suara oleh Sharikat Minvak Shell Brunei kapada Masjid Kilanas.

Hadiah2 itu telah di-sampaikan oleh Inche P.A. Coates, Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei bagi pehak Sharikat Minyak itu pada pagi hari Jumaat 28 Jun, 1963.

Inche Zulkifli bin Haji Abdullah telah memimpin majlis tersebut. Uchapan2 yang berharga telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Dato Derma Wijaya Haji Tamit; Inche P.A. Coates; Tuan Haji Kenot, bagi pehak Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei; Inche Shuib bin Imam Yassin, Pemangku Setia Usaha Masjid Kilanas dan oleh Inche Zulkifli bin Haji Abdullah.

Majlis itu di-tamatkan dengan bacaan do'a selamat oleh Abang Haji Razali, Kadhi, Daerah Brunei.



Inche P.A. Coates, Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei kelihatan dalam gambar ini sedang memberi ucapan di-majlis menyampaikan hadiah alat2 pembesar suara oleh Sharikat Minyak Shell kapada Masjid Kilanas pada hari Jumaat 28 Jun, 1963.

PEGAWAI2 PULIS NAIK PANGKAT

BANDAR BRUNEI. Empat orang Pegawai2 Polis Negeri Brunei telah di-naikan pangkat mulai dari 1 Jun, 1963.

Mereka ia-lah Chief Inspector G. Carvalho menjadi Penolong Penguasa Polis, Senior Inspector Abdul Latif bin Hussein menjadi Chief Inspector, Inspector Chua Kong Leng dan Inspector Ahmat bin Hashim menjadi Senior Inspector.

Sharahan2 Ugama Islam

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam akan melawat ka-beberapa Masjid serta juga ka-sa-buah Sekolah Melayu dalam Negeri Brunei untuk memberi sharahan2 mengenai Ugama Islam dalam bulan ini.

Tarikh, masa dan tempat lawatan tersebut ada-lah saperti berikut :


Hari Juma'at 5 Julai mulai dari pukul 10.30 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari : (a) Masjid Sengkong, Brunei dan (b) Masjid apas, Brunei.

Hari Juma'at 12 Julai mulai dari pukul 10.30 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari : (a) Masjid Kiudang, Tutong dan (b) Masjid Layong, Tutong.

Hari Juma'at 12 Julai mulai dari pukul 2.30 petang ka-pukul 4.30 petang di-Sekolah Melayu Sungai Besar, Brunei.

Hari Juma'at 19 Julai mulai dari pukul 10.30 pagi ka-pukul 12.30 tengah hari : (a) Masjid Sungai Hanching, Brunei dan (b) Masjid Panchor Murai, Brunei.

Hari Juma'at 26 Julai mulai dari pukul 2 petang ka-pukul 4 petang di-Masjid Batu Apoi, Temburong.



Kursus Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Belait telah di-adakan selama tiga hari mulai dari 18 Jun, 1963 dengan memperoleh sambutan yang baik. Dalam gambar ini kelihatan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong itu sedang mendengar ceramah berkenaan dengan Rancangan Perkembangan Negara oleh Pesuruh Jaya Perkembangan Negara, Inche Sa'ad bin Marzuki (duduk di-tengah berhadapan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong). Duduk dikiri sa-kali berhadapan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong itu ia-lah Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, duduk di-kanan sa-kali berhadapan para Penghulu dan Ketua Kampong itu ia-lah Pengelola Kursus, Awangku Mohamed Yassin bin Pengiran Othman.

WARTAWAN INDONESIA MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI.— Inche Mohamed Nahar, Ketua Pengarang, Persharikatan Berita Indonesia, Antara telah melawat ka-Negeri Brunei sa-lama tiga hari mulai dari hari Jumaat yang lalu dalam bidang lawatan-nya ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Sabah.

Inche Mohamed Nahar telah di-undang oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk melawat ka-Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini.

Sa-lepas itu beliau telah ditemani oleh Inche Shukor bin Ayub, sa-orang Pegawai Penerangan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk melawat ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Sabah.

Mereka telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Sibul pada pagi hari Jumaat 28 Jun dan di-sambut di-Lapangan Terbang Berakas oleh Pegawai Penerangan dan Siaran Radio, Daerah Brunei, Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid.

Inche Nahar dan Inche Shukor telah berangkat ka-Jesselton dengan kapal terbang pada petang hari Ahad yang lalu.

Dalam masa lawatan ka-Brunei, Inche Nahar dan Inche Shukor telah mengadap Kabawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di-Istana Darul Hana.

Mereka telah mengadakan pertemuan dengan Ketua2 Persatuan2 Politik di-Brunei; melawat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Pejabat Pertukangan Perak, Kampong Ayer, kawasan Seria/Belait serta juga telah melawat ka-beberapa tempat yang lain di-negeri ini.

WAKTU2 SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi daerah2 Brunei, Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 3 Julai hingga ka-hari Selasa 16 Julai, 1963.

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan K. Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

H.B.	Amsak	Suboh	Dzuhor	'Asar	Maghrib	'Isha
3	4.37	4.52	12.29	3.50	6.41	7.54
4	4.37	4.52	12.29	3.50	6.41	7.54
5	4.37	4.52	12.29	3.50	6.41	7.54
6	4.38	4.53	12.30	3.51	6.41	7.54
7	4.38	4.53	12.30	3.51	6.41	7.54
8	4.38	4.53	12.30	3.51	6.41	7.54
9	4.38	4.53	12.30	3.51	6.41	7.54
10	4.39	4.54	12.31	3.52	6.42	7.55
11	4.39	4.54	12.31	3.52	6.42	7.55
12	4.39	4.54	12.31	3.52	6.42	7.55
13	4.39	4.54	12.31	3.52	6.42	7.55
14	4.40	4.55	12.31	3.52	6.42	7.55
15	4.40	4.55	12.31	3.52	6.42	7.55
16	4.40	4.55	12.31	3.52	6.42	7.55

Perkhemahan Pengakap2 Sa-Negeri Brunei

JERUDONG. — Perkhemahan Pengakap2 Sa-Negeri Brunei telah di-adakan di-Perkhemahan Pengakap2 di-pantai peranginan Jerudong sa-lama tiga hari mulai dari hari Jumaat 21 Jun hingga ka-hari Ahad 23 Jun, 1963.

Di-antara ramai orang yang telah melawat ka-perkhemahan

Ujian2 Mengorek Telaga Minyak Di-Laut

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad mengumom-kan bahawa semenjak berita-nya di-bagikan bahawa2 ini kapal pengorek "Sidewinder" terus me-merus mengorek di-kawasan 7½ batu dari pantai Kuala Belait.

Pengumuman itu berkata ba-hawa pasir yang mengeluarkan zat arang yang mengandongi mi-nyak atau gas di-dapati di-bebe-rapa bahagian lobang yang di-korek di-telaga tersebut.

Ujian2 akan di-jalankan nanti dan kira-nya memuassakan, kerja mengorek akan di-teruskan un-tuk menentukan sa-kira-nya hasil yang akan di-perolehi itu men-ghakopi untuk jualan.

MINGGU PENGAKAP

Hampir2 \$1,500 Di-Dapati

BANDAR BRUNEI. — Pengakap2 di-seluruh Negeri Brunei telah mengutip hampir2 \$1,500.00 dalam Minggu Pengakap yang telah di-lancarkan tidak berapa lama dahulu. Demikian di-terang-kan oleh Inche P.A. Coates, Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei.

Berhubung dengan usaha yang di-jalankan oleh Pengakap2 ter-sebut. Inche Coates menegaskan bahawa jumlah wang telah di-perolehi itu adalah kutipan wang yang terbaik sa-kali dalam sejarah.

Semasa Minggu Pengakap itu di-lancarkan, kata-nya lagi, semua pengakap dan pengakap2 anak2 serigala di-negeri ini telah keluar bekerja di-kedai2 dan di-rumah2 untuk membuat segala rupa pekerjaan dengan bayaran

Bantuan Persatuan Bekas Anggota2 Tentera

BANDAR BRUNEI. — Persa-uan Bekas Anggota2 Tentera di-Brunei telah meminta kepada pihak2 yang hampir sa-kali kepada tujuh orang anggota ten-tera yang terbunuh pada masa berlaku penderhakaan di-Negeri Brunei beberapa bulan dahulu supaya sudi menerima derma yang sa-dikit jumlah-nya sebagai tanda penghargaan dan penghormatan terhadap pengorban-an yang mereka telah berikan itu. Orang2 yang terbunuh itu ada-kan mengandongi 5 orang anggota ka-42 Royal Marine dan dua orang lagi Pasukan 1/2 Gurkha Rifle.

tersebut ia-lah Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Inche A. M. MacIntosh yang telah di-lantek baharu2 ini menjadi Ketua Pengakap Negeri Brunei.

Pesuruh Jaya Pengakap Keliling dari Ibu Pejabat Pengakap2 Sa-Dunia di-London, Inche G.F. Wittchell telah hadir di-temasha perkhemahan pengakap2 tersebut sa-lama tiga hari.

Perkhemahan itu telah di-adakan di-bawah kelolaan Inche Ali Khan bin Abdul Khan, Pesuruh Jaya Pengakap2 Daerah Brunei dengan di-bantu oleh Pegawai2 Pengakap dari Daerah2 Brunei dan Belait.

Pesuruh Jaya Pengakap2 Sa-Negeri Brunei, Inche P.A. Coates berasa gembira bahawa perkhemahan pengakap2 itu telah men-dapat hasil yang baik sambil menguchapkan berbilang2 teri-ma kaseh kepada orang ramai yang telah melawat ka-perkhe-mahan pengakap2 tersebut.

sa-ringgit pada tiap2 pekerjaan yang di-buat itu.

Sa-banyak \$897.60 sen telah di-kutip oleh Pengakap2 di Dae-rah Brunei dan \$596.41 di-kutip di-Daerah Belait.

APA-KAH NAMA TARIAN INI?



Dalam gambar ini kelihatan sa-orang pemuda dan sa-orang wanita sedang ashek menari sa-buah Tarian Barat. Apa-kah nama tarian ini? Jawab-nya ia-lah "Twist". Pemuda itu ia-lah Inche Vincent Phang dan pasangannya ia-lah Puan Betty Poh. Mereka telah mengambil bahagian di-majlis Aneka Warna dan Wayang Gambar untuk mengutip derma bagi membantu Perwakilan Pengakap2 Brunei ka-Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia di-Greece tidak berapa lama lagi. Temasha itu telah di-adakan di-Pangong Boon Pang Baharu, Bandar Brunei pada hari Ahad 30 Jun, 1963.



Pesuruh Jaya Pengakap Keliling dari London, Inche G. F. Wittchell (bilangan 3 dari kanan) bergambar dengan Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei, Inche P. A. Coates (bilangan 4 dari kiri); Pesuruh Jaya Pandu Puteri Negeri Brunei, isteri Doktor Panch (bilangan 4 dari kanan) dan beberapa orang lagi Pegawai2 Pengakap di-Perkhemahan Pengakap Sa-Negeri Brunei baharu2 ini.

PERADUAN MENGGAMBAR SA-LUROH MALAYSIA

BANDAR BRUNEI. — Satu peraduan menggambar terbuka kepada orang2 Melayu, lelaki dan perempuan, yang tinggal di-Negeri2 Brunei, Sarawak, Sabah, Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura akan di-adakan tidak berapa lama lagi di-bawah anjoran Perkumpulan Penggambar2 Muda Melayu Singapura.

Pengadilan akan di-adakan pada 14 Julai. Gambar2 itu akan di-pamerkan di-Singapura sa-lama tiga hari mulai dari 3 Ogos dan akan di-kembalikan ka-pada peserta2 pada 19 Ogos.

Bayaran masok ia-lah dua ringgit bagi tiap2 peserta. Wang itu akan di-gunakan oleh penaja peraduan tersebut untuk belanja mengirim balek gambar2 kepada peserta2.

Ukuran tiap2 gambar mesti-lah tidak kurang dari 8" x 10". Tiap2 gambar mesti-lah di-lapek dengan kertas tebal yang berwarna puteh dan mesti-lah berukuran 16" x 20". Akan tetapi gambar2 yang di-kirim oleh peserta2 luar Sin-

gapura tidak perlu di-lapek de-ngan kertas tebal.

Tiap2 gambar mesti-lah di-beri tajok-nya, nama peserta dan alamat dengan terang.

Gambar2 itu hendak-lah di-kirimkan kepada Pengerusi, Per-tandingan dan Pameran, Pera-duan Fotografi Melayu Sa-Ma-laysia, 39 Duchess Road, Singa-pura 10 dan hendak-lah sampai ka-tangan-nya sa-lewat2-nya pa-da tengah hari 13 Julai, 1963.

KALAU UMPAN BELUM DI-AYER MASAKAN TAH IKAN DAH KENYANG

Berhubung dengan peraduan tersebut, Pengerusi-nya, Inche Sukar bin Surif berkata bahawa orang2 Melayu tidak ketinggalan mengambil bahagian di-lapangan perkembangan seni fotografi pada hari ini.

Memandang kepada perkara itu-lah, persatuan-nya sa-bagai sa-buah perkumpulan yang ber-juang sa-mata2 untuk meninggi-kan darjah seni fotografi di-kalangan orang2 Melayu di-selu-ruh Malaysia, memberanikan diri menganjorkan peraduan tersebut pada kali yang pertama.

Inche Sukar menegaskan lagi, "Perasaan takut tidak berjaya harus-lah di-singkirkan jauh2. Kalau umpan belum di-ayer ma-sakan tahu ikan dah kenyang".

Sa-buah Pingat Emas akan di-hadiahkan oleh Perkumpulan Penggambar2 Muda Melayu Sin-gapura kepada peserta yang menjadi johan dalam peraduan menggambar tersebut.

Lain2 hadiah yang akan di-berikan oleh persatuan tersebut untuk peserta2 yang berjaya ia-lah: Hadiah kedua — 2 buah Pingat Suasa. Hadiah ketiga — 2 buah Pingat Perak dan 12 Sijil Pujian.

Pertandingan Sokan Negeri Brunei Kejohanan

SERIA.— Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, sa-laku Yang Dipertua, Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei, telah mengisytiharkan dengan rasmi pembukaan Sokan Kejohanan Negeri Brunei di Kawasan Sokan Seria pada petang hari Ahad 30 Jun, 1963..

INCHE MACINNES MENGUCHAPKAN TERIMA KASEH DAN TAHNIAH

BANDAR BRUNEI.— Pemangku Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Inche Malcolm MacInnes berkata di-majlis menyampaikan hadiah2 Kejohanan Sokan Seko-2 Melayu Saluroh Negeri Brunei yang telah di-langsungkan di-Padang Besar di-sini pada Hari Keputeraan Dulj Yang Maha Mulia Baginda Queen dalam bulan Jun yang lalu bahawa banyak kerja2 yang perlu di-laksanakan untuk menjayakan temasha sokan itu.

Banyak orang telah menyumbangkan tenaga masing2 untuk kejayaan temasha sokan tersebut, di-antara-nya ia-lah Pengawas Pelajaran Jasmani Negeri Brunei dan penolong2-nya, Nadzir2, Guru2 Besar serta guru lain, Pegawai2 Jabatan2 Kerajaan serta lain2-nya, kata lagi Inche MacInnes.

Beliau telah menyampaikan ucapan terima kasih kepada mereka-itu serta juga mengucap tahniah kepada pesert2 yang bertanding dalam pertandingan sokan tersebut bukan sahaja kepada mereka yang menang bahkan kepada bereka yang kalah juga.

Inche MacInnes juga telah menguchapkan berbilang2 terima kasih kepada Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Haji Kamaralzaman yang telah sudi membuka dengan rasmi temasha sokan itu dan menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya.

26 REKOD2 BAHARU

BANDAR BRUNEI. — Sa-jumlah 26 rekod2 baharu telah dapat di-atasi di-temasha Sokan Kejohanan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei yang telah di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei pada 8 June, 1963.

Rekod2 baharu yang telah di-ehiptakan itu ia-lah: Bahagian murid2 lelaki "A" — 9 rekod. Bahagian murid2 lelaki "B" — 6 rekod. Bahagian murid2 lelaki "C" — 5 rekod. Bahagian murid2 perempuan "A" — 5 rekod dan bahagian murid2 perempuan "B" — 1 rekod.

Pertandingan sokan itu telah di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei dengan memperolehi kejayaan yang besar dan di-saksikan oleh beribu2 orang, lelaki dan perempuan, dari berbagai2 bangsa.

Peserta2 yang mengambil bahagian dalam pertandingan sokan itu ia-lah mereka yang telah di-pilih di-temasha Sokan Kejohan-

an Daerah Brunei yang telah di-langsungkan di-Bandar Brunei pada 23 Jun serta juga peserta2 yang telah berjaya di-temasha sokan Kejohanan Daerah Belait yang telah di-adakan di-Seria pada hari itu juga.

Ahli2 sokan yang berjaya di-temasha sokan tersebut akan mewakili Negeri Brunei di-temasha Pertandingan Sokan Kejohanan Borneo yang akan di-langsungkan di-Jesseltown pada 12 dan 13 Julai, 1963.

Isteri kapada Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf, ia-itu Datin Hajjah Salmah telah menyampaikan hadiah2 di-temasha Sokan Kejohanan Negeri Brunei sa-telah selesai di-adakan temasha sokan itu.



Dua pemandangan perlumbaan lari yang telah di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei pada hari Ahad 23 Jun, 1963 untuk merebutkan Kejohanan Daerah Brunei. Pertandingan itu telah di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei.



PERTANDINGAN SOKAN DAERAH2 BRUNEI DAN BELAIT

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Sokan Daerah Brunei di-bawah anjoran Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei telah di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Ahad 23 Jun yang lalu.

Pada petang hari tersebut juga telah di-adakan Pertandingan Sokan Daerah Belait/Seria di-

Kawasan Sokan Seria di-bawah anjoran Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei.

Peserta2 yang berjaya dalam pertandingan2 sokan tersebut telah di-pilih mewakili daerah masing2 di-Pertandingan Sokan Kejohanan Sa-Negeri Brunei yang telah di-adakan di-Kawasan Sokan Seria pada petang hari Ahad yang lalu.

PERLUMBAAN BERJALAN KAKI

SERIA.—Perlumbaan Berjalan Kaki sa-jauh kira2 10 batu dari Kuala Belait ka-Seria di-bawah anjoran Klab Belia Seria akan di-adakan pada hari Ahad 14 Julai.

Perlumbaan berjalan kaki itu telah di-jadual hendak di-adakan pada hari Ahad yang lalu. Kemudian di-undurkan ka-hari Ahad 7 July.

Oleh kerana beberapa sebab yang tidak dapat di-elakkan, maka pihak penaja perlumbaan itu telah mengundurkan tarikh perlumbaan itu dari 7 Julai ka-tarikh yang baharu itu.

Bayaran untuk masuk berlumba ia-lah sa-ringgit untuk persorang dan dua ringgit untuk sa-pasokan mengandungi tiga orang.

Murid2 sekolah yang hendak mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut akan di-kenakan sa-paroh bayaran.

Tarikh yang terakhir sa-kali untuk menerima permohonan ia-lah hari Ahad 7 Julai.

Borang2 permohonan masuk bertanding boleh-lah di-dapati daripada: Pengelola Lumba Berjalan Kaki, Peti Surat 161 Seria; Inche H.A.D. Sulaiman di-Bahagian E.S.D./Corrosion, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria atau pun daripada Puan Angelina Chong, di-Ibu Pejabat, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria.

KEJOHANAN TENNIS:

Pengiran Hidup Melawan Vaughan

SERIA.— Pengiran Hidup, sa-orang pemain tennis yang handal di-Negeri Brunei telah di-pilih mengambil bahagian dalam Pertandingan Akhir Tennis Bahagian Sa-sa-orang Sa-Negeri Brunei Tahun 1963.

Pertandingan itu akan di-adakan di-Panaga pada hari Sabtu 6 Julai di-antara Pengiran Hidup dan G.H. Vaughan.

KRIKET:

Brunei Menang Perisai Davidson

SERIA.— Brunei telah berhasil menyimpan sa-mula Perisai Davidson pada tahun yang ka-dua berturut2 dalam Pertandingan Kriket di-antara Negeri2 Brunei, Sarawak dan Sabah, apabila Brunei mengalahkan Sarawak di-Miri pada 22 dan 23 Jun, 1963.

Residen Bahagian Ka-empat Sarawak, Inche F.J. Drake-Brockman telah menyampaikan Perisai Davidson yang berharga itu kapada Pasokan Kriket Negeri Brunei sa-telah tamat pertandingan kriket itu.



Penghulu2 dan Ketun2 Kampong Daerah Tutong yang telah menghadiri Kursus Tata Tertib mulai dari 15 Jun hingga 17 Jun, 1963 bergambar ramai bersama2 dengan beberapa orang Pegawai Kerajaan.

MALAYSIA:

TENGGU BATALKAN PEMERGIAN KA-LONDON

KUALA LUMPUR. — Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj telah membatalkan rancangan-nya hendak pergi ka-London berikutan dengan jawapan terakhir daripada Perdana Menteri Singapura Inche Lee Kuan Yew mengenai syarat2 bagi kemasokan Singapura ka-dalam Malaysia.

Sa-lepas satu sidang kabinet pada pagi 24 Jun yang lalu di-Kuala Lumpur, Tengku mengatakan bahawa sudah jelas beberapa perkara dasar masih belum dapat di-selesaikan lagi.

Akibat dari itu, Tengku telah menghantarkan satu rombongan ka-London, di-ketuai oleh Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Menteri Kewangan Inche Tan Siew Sin untuk mengetahui sakira-nya terdapat kemungkinan bagi mencapai satu persetujuan.

Menurut siaran berita Reuter pada 24 Jun, Tengku akan berangkat ka-London sa-lepas menerima nasihat dari rombongan tersebut.

Tengku telah di-jadualkan berangkat ka-London dalam minggu lepas untuk mengadakan perundingan selanjut-nya mengenai Malaysia.

Sementara itu, Perdana Menteri Singapura Inche Lee Kuan Yew dan rombongan-nya mengandungi lima orang telah berangkat ka-London pada 25 Jun.

Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Persekutuan Tanah Melayu Sir Geoffrey Tory telah berangkat

ka-London melalui Singapura pada malam 23 Jun.

Sir Geoffrey Tory berkata sebelum berangkat ka-London bahawa beliau merasa ragu2 Malaysia akan di-bentuk pada 31 Ogos.

Beliau menambakkata memang-lah menjadi adat bahawa kesulitan2 dan berbagai2 masalah akan timbul khusus-nya apabila persetujuan hampir hendak di-chapai.

Bagaimana pun, beliau tegasan bahawa Britain akan menolong mengatasi masalah2 tersebut.

Siaran Reuter itu menambahkan ada-lah di-fahamkan bahawa Kerajaan Inggeris harus akan mengkaji sa-mula kedudukan politik-nya di-sekitar sini jika Malaysia di-bentuk mengandungi 3 buah wilayah2 sahaja, ia-itu Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah, dan tidak-lah 5 buah negara sa-bagai mana yang telah di-ranchangkan pada asal-nya.

Pengkajian tersebut ada-lah memandang kepada tugas pertahanan dan dasar luar negeri Britain di-Singapura dan perjanjian pertahanan-nya dengan Negeri Brunei.

BAHASA KESATUAN 180,000,000 MANUSIA DI-KEPULAUN MELAYU

KUALA LUMPUR. — Bahasa Melayu lambat laun akan menjadi BAHASA KESATUAN 180 juta manusia di-seluruh Kepulauan Melayu, termasuk Philipina. Demikian menurut Professor Takdir Alisjahbana yang telah di-lantek baharu2 ini untuk menjadi Ketua Jabatan Pengajian Melayu di-University Malaya.

Professor Alisjahbana berpendapat bahawa walau pun kebanyakkan penduduk2 kepulauan Philipina pada masa sekarang mempunyai BAHASA2 DAERAH yang agak berlainan dengan BAHASA MELINDO itu, namun dengan ujud-nya gagasan Persekutuan Maphilindo — ia-itu Malaysia, Philipina dan Indonesia — perbedzaan2 itu akan dapat di-atasi dengan mudah.

KERJA2 KOSONG

Kerani Tingkat "B"

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari chalun2 yang menjadi ra'ayat Sultan atau sa-siapa yang berhak untuk di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Sultan bagi jawatan2 sa-bagai Kerani Tingkat "B" dalam Perkhidmatan Kerani Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2: Chalun2 bagi pelantekan mesti-lah berumur 17 tahun tetapi tidak sampai 25 tahun dan hendak-lah lulus sekurang2-nya Form III Sekolah Inggeris.

Gaji: Dalam Tingkatan Gaji \$211-220 x 10--260-280-290/examination bar/310-20-370-380/bar 400 x 20-560.

Chalun2 yang di-pileh akan dilantek atas perhubungan dengan gaji permulaan yang di-tetapkan menurut kelulusan persekolahan mereka.

Terdahulu dari tamat-nya tempoh perhubungan mereka akan di-kehendaki mengambil pepereksaan ia-itu pepereksaan yang di-adakan bagi Kerani Perhubungan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 30 Julai, 1963.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka.

Pekerja2 Luar Batok Kering

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenuhi jawatan kosong sebagai Pekerja2 Luar Batok Kering dalam Jabatan Perubatan, Brunei.

Kelayakan: (i) Pemohon2 mesti-lah sakurang2nya berumur 16 tahun. (ii) Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Sultan Brunei atau pun berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan. (iii) Mesti-lah boleh bertutor dalam bahasa Melayu Pasar. (iv) Mesti-lah lulus Darjah V Sekolah Melayu atau pun mempunyai pengetahuan Inggeris yang sa-taraf dengan Form II.

Tugas2: Chalun2 yang di-pileh akan di-tempatkan di-Klinik2 Batok Kering untuk menjalankan kerja2 melawan penyakit Batok Kering, misal-nya B.C.G., melawat rumah2 orang yang menghadapi penyakit Batok Kering.

Sukatan Gaji: Chalun2 yang di-pileh akan berkhidmat sa-bagai sa-bulan ka sa-bulan dan khidmat-nya itu akan berakhir bila rancangan melawan batok kering tamat.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 24 Julai, 1963.

Penyelenggara Setor

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Sultan untuk berkhidmat sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkat II di-Pejabat Laut, Brunei.

Kelayakan2: Lulus Form I Sekolah Inggeris dan Darjah V Sekolah Melayu.

Pengalaman: Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sekurang-nya 3 tahun dalam hal setor.

Gaji: Dalam Tingkatan D(a)1, D(b)2-3-4-5 \$211-220 x 220 x 10-260-280-290 x 20-330, \$350-370-380. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 27 Julai, 1963.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar menerusi Ketua2 Pejabat mereka.

Posmen

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenuhi jawatan posmen dalam Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei.

Kelayakan2: (a) Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu. (b) Berumur antara 18 dan 25 tahun.

Gaji: Dalam sukatan gaji E.2 F.2-3-4-5-6 \$152x3-160-180x4-200/211-220-230-240.

Permohonan2 mesti-lah di-pileh di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 16 Julai, 1963.

U Thant Di-Chadangkan Melawat Sarawak Dan Sabah

WASHINGTON. — Malaya, Indonesia dan Philipina telah meniadakan supaya Setia Usaha Ageng Pertubuhan Bangsa2 Bersatu, U Thant, melawat ka-Sarawak dan Sabah untuk mengetahui dengan sendiri-nya tentang sikap ra'ayat di-kedua2 buah negeri tersebut terhadap Malaysia. Demikian menurut sumbar2 dari Pertubuhan Bangsa2 Bersatu pada 21 Jun, 1963.